

# **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK DR. MARY YAP KAIN CHING  
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**SEMINAR BAHASA MELAYU:  
MENDAULATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI  
BAHASA ILMU**

**Masa: 8.50 pagi**

**4 Mei 2017  
Hotel Everly, Putrajaya**

## **SALUTASI**

Terima kasih pengacara majlis.

Datuk Nik Ali Mat Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan,  
Kementerian Pendidikan Tinggi

Prof. Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal  
Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu

Dato' Dr. Annabel Teh Gallop, Ketua Bahagian Asia Tenggara, British  
Library, London

Dr Ahmad Nazri Sulaiman, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan,  
Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar

Datuk-Datuk, Prof, Dr, tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang saya  
hormati sekalian.

## **KATA PEMBUKA**

Selamat Sejahtera, Salam Hormat dan Salam 1Malaysia

1. Pertamanya saya ingin melahirkan rasa syukur kerana dapat kita berkumpul pada hari ini untuk majlis yang penuh bermakna ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua hadirin yang sudi hadir bagi menjayakan Seminar Bahasa Melayu: Mendaulatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu.
2. Izinkan saya membuka bicara pada pagi ini dengan dua rangkap pantun. Begini bunyinya:

***‘Cincin emas cincin suasa,  
Boleh dipakai tak kira usia;  
Bahasa Melayu mahkota bangsa,  
Menjadi penyatu warga Malaysia’***

***‘Menjelang senja bakar setinggi,  
Setinggi dibakar di dalam puan;  
Bahasa kita martabatnya tinggi,  
Lingua franca zaman-berzaman’***

Hadirin sekalian,

3. **Memartabatkan Bahasa Melayu** bermaksud meletakkan Bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia.
4. **Mendaulatkan Bahasa Melayu** pula bermakna menyanjung dan menghormati Bahasa Melayu, menjadikannya berkuasa dan berwibawa. Maka, kita perlu benar-benar menghayati tajuk seminar pada hari ini agar bahasa yang menjadi tonggak kepada proses pembentukan negara bangsa terus kekal sebagai bahasa ilmu, bahasa intelektual, bahasa sastera dan bahasa pentadbiran.

## **SEJARAH BAHASA MELAYU**

Hadirin sekalian,

5. Bahasa Melayu pernah mencapai puncak kegemilangan sebagai bahasa tamadun Melayu pada **Zaman Kesultanan Melayu** dari

sekitar abad ke 13 hingga abad ke 19. Pada era tersebut Bahasa Melayu telah diangkat menjadi Lingua Franca antara pelbagai bangsa termasuk yang datang dari rantau lain seperti India, China, Asia Barat dan Eropah. Bahasa Melayu menjadi bahasa pentadbiran, bahasa diplomasi, bahasa undang-undang, bahasa ilmu dan falsafah, bahasa perdagangan, bahasa ketatanegaraan dan bahasa sastera tinggi.

6. Penjajahan era Barat ke atas Kepulauan-kepulauan Melayu telah menghakis kedudukan Bahasa Melayu sebagai lingua franca di rantau ini. Kegemilangan Bahasa Melayu merosot apabila bahasa Inggeris dijadikan bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan di jajahan takluk mereka.
7. Walau bagaimanapun, apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, kita telah mengembalikan kegemilangan Bahasa Melayu dengan mengangkat martabatnya sebagai bahasa kebangsaan menggantikan bahasa Inggeris yang ketika itu menjadi bahasa rasmi tunggal negara. Perjuangan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama mencapai kemuncaknya apabila bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama di sekolah kebangsaan daripada peringkat rendah hingga peringkat menengah tinggi, sampailah peringkat pendidikan tinggi.

## **TUJUAN SEMINAR**

Hadirin sekalian,

8. Seperti yang kita ketahui, kedudukan dan peranan Bahasa Melayu itu menjadi semakin penting dengan penubuhan Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) pada tahun 1970 yang diasaskan daripada perjuangan untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu selain mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan. Empat dekad lalu, Bahasa Melayu digunakan sebagai pengantar pendidikan dalam pelbagai fakulti seperti Fakulti Sains, Kejuruteraan dan Perubatan di UKM dan negara kita **berjaya** melahirkan ribuan teknokrat termasuk doktor, jurutera, peguam dan saintis.

9. Bagi terus memastikan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertekad dan beriltizam melaksanakan usaha bagi menggalakkan ahli akademik, mahasiswa dan warga universiti untuk memperkaya dan memperluas penggunaan Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu. Oleh itu, Seminar Bahasa Melayu yang diadakan pada hari ini merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memastikan bahawa Bahasa Melayu terus utuh dan diperjuangkan sebagai bahasa ilmu.
10. Seminar yang diadakan julung kalinya ini juga bertujuan untuk **mencari ahli akademik** yang berjuang bagi memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat pendidikan tinggi untuk dinobatkan sebagai **Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2017**. Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu merupakan satu-satunya **anugerah terunggul dan berprestij** negara bertujuan mengiktiraf sumbangan ahli akademik di Universiti Awam yang berusaha mengembangkan dan menggunakan Bahasa Melayu sebagai wahana penyelidikan, penerbitan, pengajaran dan khidmat ikhtisas kepada masyarakat.

11. Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu merupakan salah satu anugerah utama Kementerian Pendidikan Tinggi dalam usahanya untuk mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Justeru, Kementerian Tinggi berharap anugerah ini dapat mendorong ahli-ahli akademik untuk menjalankan lebih banyak penyelidikan ilmiah dan penerbitan dalam bentuk bahan-bahan berwasit yang berimpak tinggi dalam bahasa Melayu.
12. Anugerah ini mula diperkenalkan pada tahun 2012 sebagai inisiatif di bawah Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (2016-2020). Untuk makluman semua, Kementerian Pendidikan Tinggi telah melancarkan pelan ini pada tahun 2016.

### **CABARAN BAHASA MELAYU**

Hadirin sekalian,

13. Dalam era teknologi dan komunikasi (ICT) pada abad ke-21 ini, Bahasa Melayu berdepan dengan **cabaran** sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan di negara kita. Bahasa Melayu perlu bersaing dengan bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris di dunia menjadi semakin penting dalam era ICT ini. Hal ini kerana Internet dan pengeluar perisian dan perkakasan komputer seperti Microsoft, Dell dan Hewlett-Packard semuanya diasaskan oleh mereka yang berbahasa Inggeris.

14. Tambahan pula, kita sekarang berada dalam era revolusi industri keempat yang diperkenalkan oleh Forum Ekonomi Antarabangsa (World Economic Forum). Hal ini menyebabkan bidang teknologi pengeluaran telah berubah dan berada dalam arena yang baru. Cabaran ini harus disambut oleh ahli akademik untuk memastikan bahawa Bahasa Melayu boleh dan mampu menyesuaikan peranannya dalam menghadapi cabaran ini.
  
15. Walaupun cabaran dalam era ICT begitu hebat, Bahasa Melayu perlu seiring dengan perkembangan sains dan teknologi. Sebagai bahasa ilmu, Bahasa Melayu seharusnya berupaya menjadi bahasa ilmu pengetahuan moden dalam bidang sains, teknologi, ekonomi, kejuruteraan, perubatan di samping sastera. Maksudnya, Bahasa Melayu perlu berfungsi sebagai bahasa akademik yang lengkap dengan laras bahasa, istilah dan perbendaharaan kata. Sebagai contoh, Bahasa Melayu telah mempunyai laras bahasa dalam bidang kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan elektronik dan kejuruteraan kimia. Dengan adanya laras bahasa, istilah dan perbendaharaan kata dalam pelbagai bidang ilmu, Bahasa Melayu setanding dengan bahasa Inggeris dalam menyatakan konsep dan pemikiran ilmu moden.
  
16. Pembentangan kertas kerja berkaitan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam bidang sains, kejuruteraan, kesihatan, perundangan dan sains sosial dalam seminar ini akan memantapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

17. Saya menyeru agar para ilmuwan di Universiti Awam memperbanyak penerbitan buku ilmiah dalam Bahasa Melayu yang masih tidak mencukupi. Tingkatkan budaya menulis dan menerbit buku ilmiah dalam kalangan ahli akademik dalam Bahasa Melayu.
18. Perterjemahan dan penerbitan karya asing ke dalam Bahasa Melayu juga perlu diperhebat. Hal ini supaya pelajar di institusi pendidikan tinggi boleh menggunakan buku-buku dalam Bahasa Melayu sebagai bahan rujukan utama dan tidak terlalu bergantung kepada buku-buku rujukan dalam bahasa Inggeris semata-mata.

### **KEJAYAAN BAHASA IBUNDA**

Hadirin sekalian,

19. Suka saya berkongsi serba sedikit berkenaan kejayaan yang dicapai oleh beberapa negara maju yang menggunakan Bahasa ibunda mereka sebagai bahasa ilmu yang ulung dan mantap.
20. Negara Korea Selatan, Jepun, Perancis dan Jerman terkenal dengan kemajuannya dalam bidang sains dan teknologi, namun mereka tetap mempertahankan bahasa ibunda. Negara ini membangun dengan pesat berdasarkan keupayaan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa ilmu dan sebagai bahasa sains dan teknologi. Buku teks dan rujukan diterjemahkan ke dalam Bahasa ibunda untuk kepentingan pelajar. Hal ini kerana penyampaian pendidikan melalui bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan akan mengekalkan minda asli yang kreatif dan jati diri sesuatu bangsa. Kita dapat melihat orang Jepun

dan Korea mempunyai daya kreatif dan inovasi yang tinggi untuk mencipta peralatan canggih dan moden untuk masyarakat dunia.

21. Begitu juga Thailand, Indonesia, China, Taiwan, dan Hong Kong. Negara-negara ini menyampaikan pendidikannya dalam bahasa kebangsaan untuk kekal asli dan kreatif. Negara-negara ini pesat membangun dan tidak tergolong dalam golongan negara yang mundur.
22. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris tetap dipelajari sebagai bahasa kedua di negara-negara itu kerana ilmunya. Lebih menarik lagi pelajar dari negara-negara itu dihantar ke negara United Kingdom, Amerika, Jerman dan Perancis untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan menggunakan bahasa negara tempat mereka belajar. Apabila pelajar ini kembali ke negara asal mereka, ilmu yang diperoleh diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda mereka.

## **MEMPERKASA BAHASA INGGERIS**

Hadirin sekalian,

23. Kita haruslah berfikiran positif dan memandang ke hadapan. Langkah kerajaan untuk memperkasa bahasa Inggeris **bukanlah untuk menggantikan** bahasa Melayu. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaannya dalam kalangan pelajar bagi membolehkan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing pada peringkat nasional dan global. Malahan bahasa-bahasa lain seperti Mandarin, Jepun, dan Jerman yang mendukung kemajuan sains dan

teknologi harus dipelajari oleh generasi muda Malaysia untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran agar kita bergerak seiring dengan kemajuan orang lain.

24. Janganlah kita menjadikan situasi ini satu cabaran yang besar sehingga menggugat kedudukan bahasa Melayu. Kejayaan kita untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, adalah berdasarkan kepada keyakinan kita terhadap keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kemajuan.
25. Tiada bahasa lain yang dapat membentuk ketamadunan sesuatu bangsa itu melainkan bahasa bangsa itu sendiri. Hal ini terbukti apabila keluaran sistem pendidikan kita yang berteraskan pendidikan bahasa kebangsaan telah berjaya menyumbang kepada kemajuan negara selama ini.
26. Oleh itu, saya menyeru kepada ahli-ahli akademik '**serlahkan potensi diri anda**' dengan memperhebat kajian ilmiah menggunakan Bahasa Malayu bagi memperkaya khazanah Bahasa ini. Marilah kita sama-sama memikul tanggungjawab agar Bahasa Melayu tidak lenyap ditelan zaman atau hanya menjadi sekadar bahasa komunikasi sehari-hari, malahan menjadi salah satu bahasa komunikasi antarabangsa. Kelestarian Bahasa Melayu terutama di peringkat pendidikan tinggi harus diteruskan agar Bahasa Melayu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan pelbagai bahasa antarabangsa.

## PENUTUP

Hadirin sekalian,

27. Tidak lengkap sekiranya saya tidak berpantun sebelum mengakhiri bicara pada pagi ini. Izinkan sekali lagi saya berpantun:

*“Berkebaya songket sidara nyonya ,  
Tersenyum ayu bersimpuh di halaman,  
Bahasa Melayu tinggi martabatnya,  
Telah diperjuang zaman-berzaman.”*

*“Kain sutera dijadikan baju,  
Jangan dibuat kain basahan,  
Jika negara ingin maju,  
Bahasa ibunda jangan pinggirkan”*

28. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.
29. Dengan rasa syukur, dan sukacitanya saya merasmikan Seminar Bahasa Melayu: Mendaulatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu.

Sekian, terima kasih.